

NO. SOALAN: 37

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM

TARIKH : 07 NOVEMBER 2017

RUJUKAN : 10307

SOALAN :

PR-1353-L03661

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan dan pecahan PATI mengikut jantina dan negara asal, yang telah ikut serta majikan mereka untuk menjalankan pendaftaran Program E-Card dan *Rehiring* daripada 15 Februari hingga 30 Jun 2017.

81

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Imigresen Malaysia telah berjaya mendaftarkan seramai 164,804 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) menerusi Program E-Kad Sementara Pekerja Asing yang hanya sah diperlakukan dari 15 Februari 2017 hingga 15 Februari 2018.

Pecahan mengikut jantina dan negara asal adalah seperti berikut:

(i)	Bangladesh	-	96,421 lelaki	770 wanita
(ii)	Indonesia	-	27,191 lelaki	10,552 wanita
(iii)	Myanmar	-	15,602 lelaki	2,304 wanita
(iv)	India	-	3,183 lelaki	267 wanita
(v)	Nepal	-	2,693 lelaki	77 wanita
(vi)	Pakistan	-	2,369 lelaki	69 wanita
(vii)	Vietnam	-	588 lelaki	403 wanita
(viii)	Kemboja	-	424 lelaki	256 wanita
(ix)	Filipina	-	314 lelaki	352 wanita
(x)	Thailand	-	417 lelaki	73 wanita
(xi)	Sri Lanka	-	76 lelaki	384 wanita
(xii)	Laos	-	7 lelaki	8 wanita
(xiii)	Turkmenistan	-	3 lelaki	
(xiv)	Kazakstan	-	1 lelaki	

Berdasarkan rekod Jabatan Imigresen Malaysia, seramai 534,040 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) telah mendaftar menerusi Program Penggajian dan Penempatan Semula PATI (Program *Rehiring*) bagi tempoh 15 Februari 2016 hingga 30 September 2017.

Soalan (38)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 7 NOVEMBER 2017
[SELASA]

DARIPADA : YB DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]

SOALAN :-

YB DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA [TASEK GELUGOR] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan berapakah jumlah projek yang dirangka bagi menaik taraf sistem saliran dan perparitan di Pulau Pinang bagi mengatasi masalah banjir yang melanda saban tahun serta nyatakan jenis perbelanjaan secara terperinci telah Kementerian laksanakan bagi menaik taraf sistem perparitan di kawasan tumpuan banjir.

83

Jawapan :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyalurkan peruntukan di bawah Program Pembangunan Projek BP.1 di Pulau Pinang khususnya di bawah kategori infrastruktur iaitu menaik taraf sistem saliran dan perparitan dari tahun 2015 hingga 2017 sebanyak RM1,940,000.00 yang melibatkan 32 projek. Kesemua projek tersebut adalah menaik taraf dan membina longkang bagi menyelesaikan masalah banjir di Pulau Pinang. Jumlah peruntukan mengikut tahun adalah seperti berikut:

- (i) Tahun 2015 - RM150,000.00
- (ii) Tahun 2016 – RM1,350,000.00
- (iii) Tahun 2017 - RM440,000.00

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2017